

Parlimen: 1,057 tuntutan kes penipuan pakej pelancongan dibuat kepada Tribunal

09 Julai 2019 11:11 AM



Saifuddin menjelaskan jumlah tuntutan tersebut pada persidangan Dewan Rakyat hari ini. Foto oleh Bernama

KUALA LUMPUR - Sejumlah 1,057 kes pemfailan tuntutan dibuat kepada Tribunal Tuntutan Pengguna (Tribunal) oleh rakyat Malaysia yang terbabit dalam kes penipuan pakej pelancongan bagi tahun 2016 sehingga 31 Mei lepas.

Menyatakan di Dewan Rakyat hari ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, jumlah tuntutan yang direkodkan itu melibatkan RM6.6 juta dan daripada jumlah itu sebanyak RM3 juta telah 'dianugerahkan' Tribunal kepada pihak menuntut.

"Pihak syarikat yang menawarkan pakej pelancongan terbabit harus patuh dalam tempoh 14 hari daripada tarikh 'award' (anugerah) dikeluarkan," katanya pada persidangan Dewan Rakyat hari ini. - Bernama